

15 JAN 2003

APPF-Malaysia

ANGGOTA APPF TURUT MELUANGKAN MASA MELANCONG DI NEGARA INI

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Delegasi luar negara yang menghadiri mesyuarat ke-11 Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) telah mengambil peluang untuk melawat pelbagai tempat menarik sekitar ibu kota, selain berhasrat untuk berkunjung ke tempat-tempat lain yang menarik di negara ini.

Ketua delegasi Malaysia ke mesyuarat itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata: "Ini perkembangan yang penting kerana kunjungan mereka itu akan memberi peluang bagi mereka melihat sendiri suasana ketenteraman dan kesejahteraan yang dikecapi rakyat negara ini."

Kehadiran anggota-anggota Parlimen luar negara itu secara tidak langsung berjaya memberi impak kepada usaha mempromosi dan memperkenalkan Malaysia, katanya kepada pemberita di hari terakhir mesyuarat itu di sini hari ini.

Beliau berkata apabila pulang, mereka ini akan membawa maklumat sebenar mengenai negara ini bagi disebarikan kepada tiga pihak utama iaitu Parlimen, media dan rakyat negara masing-masing.

"Contohnya bagi ahli Parlimen Australia yang hadir, ternyata mereka tidak merasa terancam berada di negara ini walaupun maklumat pelancongan negara itu memberi amaran bahawa negara ini tidak selamat untuk dilawati," katanya.

Beliau berkata maklum balas daripada kalangan delegasi luar mengenai perjalanan mesyuarat kali ini juga cukup memberangsangkan dengan kebanyakan mereka berpuas hati dan memuji perjalanan APPF yang dianjurkan Malaysia kali ini, yang dianggap mereka sebagai mesyuarat terbaik APPF yang pernah disertai mereka.

Ahmad Zahid berkata sepanjang mesyuarat APPF itu, delegasi Malaysia turut mengadakan perbincangan dua hala dengan delegasi dari Rusia, Indonesia dan Australia bagi mengeratkan lagi kerjasama antara anggota Parlimen negara-negara terbabit.

Sementara itu, pengerusi forum APPF Tan Sri Michael Chen berkata isu-isu yang dibangkitkan dalam draf resolusi yang dibentangkan oleh anggota Parlimen negara anggota APPF telah dibincangkan secara rasional, dan semua negara menerima baik cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Michael Chen yang juga merupakan Presiden Senat berkata pelbagai isu telah dibincangkan dengan mendalam, walaupun pada awal forum itu beberapa perwakilan mempunyai pendapat berbeza mengenai isu tertentu tetapi kemudiannya telah bersetuju tanpa bantahan.

Beliau berharap semua anggota Parlimen yang menghadiri mesyuarat itu akan merujuk resolusi yang telah dipersetujui pada mesyuarat itu kepada kerajaan masing-masing.

"Suasana pada mesyuarat itu juga amat baik dan kami telah bersetuju bahawa ia perlu dijalankan dengan betul. Para perwakilan membincangkan isu-isu secara rasional dan mereka telah bersetuju untuk mengkaji isu berkenaan secara positif. Kini mereka tahu bagaimana untuk melakukannya dengan cara terbaik daripada melakukannya mengikut "Cara Saya"," katanya.

Beliau berkata buat pertama kalinya, suasana perbincangan mengenai isu-isu sensitif seperti keganasan, juga mengalami perubahan daripada mesyuarat sebelum ini apabila isu berkenaan dibincangkan dengan tenang dan tiada bertelagah mengenainya.

Katanya ucap tama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga memberikan kesan besar pada mesyuarat itu, apabila Perdana Menteri meluahkan perasaannya bahawa masyarakat dunia telah gagal untuk belajar

bagaimana untuk menyesuaikan dan menguruskan diri mereka walaupun telah mencapai kemajuan dalam teknologi.

-- BERNAMA

FA AZH HK RHM